



Nawi (duduk tengah) dan Dr Abd Razak (duduk dua dari kiri) bersama dengan pengusaha Projek Lembah Kaprima pada **Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Pengurusan Projek Lembah Kaprima** dengan lapan pengusaha Lembah Kaprima di Kuala Terengganu, semalam.
[FOTO SYAHIRAH ABDULLAH/BH]

Projek Lembah Kaprima diwujudkan semula

20/8/15

Kuala Terengganu: Projek Lembah Kaprima iaitu ternakan kambing yang tergendala sejak beberapa tahun lalu diwujudkan semula menerusi kaedah penswastaaan di lapan lokasi seluruh negeri ini.

Lokasi yang sudah dikenal pasti ialah di Kampung Payang, Hulu Terengganu; Kampung Cabang (Kemaman); Kampung Segading (Hulu Besut); Padang Seladang dan Telaga Papan (Setiu); Durian Mentangau (Dungun); Tanjung Gadong (Marang) dan Mengabang Bakung (Kuala Terengganu).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perlombongan dan Komoditi negeri, Nawi Mohamad, berkata kerajaan negeri sebelum

ini sudah membelanjakan lebih RM13 juta untuk projek itu membabitkan penyediaan infrastruktur seperti kandang, jalan dan kemudahan berkaitan ternakan kambing.

Katanya, projek itu diwujudkan bertujuan membantu dan membasmi kemiskinan tegar di negeri ini, tetapi pada masa sama mahu menjadikan Terengganu sebagai pengeluaran daging kambing terbesar di negara ini.

"Kita sudah melakukan fasa satu dan dua sebelum ini dengan menyediakan infrastruktur, tetapi ia tidak berjaya dilaksanakan berikutan beberapa masalah seperti pengusaha yang tidak berpengalaman dan kekurangan pengusaha untuk mengendalikan

projek ternakan kambing ini.

"Justeru, kita harap kesediaan lapan syarikat atau pengusaha yang akan mengambil alih projek Lembah Kaprima ini, hasrat kerajaan untuk melihat Terengganu menjadi hab pengeluaran daging kambing terbesar di negara ini akan menjadi kenyataan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Pengurusan Projek Lembah Kaprima dengan lapan pengusaha Lembah Kaprima di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr Abd Razak Mohd Zailan.